

**NO. SOALAN : 151**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS  
[ SEPANGGAR ]**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Jumat bin Idris [ Sepanggar ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah Malaysia selaku pelopor ASEAN berhasrat untuk membina kompleks pejabat dan kompleks budaya ASEAN di Malaysia sebagai mercu kejayaan negara melestarikan keharmonian negara ASEAN.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian masih belum mempunyai sebarang perancangan untuk membina kompleks pejabat mahupun kompleks budaya ASEAN di Malaysia. Ini adalah kerana pembinaan kompleks-kompleks tersebut melibatkan kos yang tinggi dan bukanlah merupakan keperluan yang kritikal. Cadangan yang melibatkan pembangunan fizikal ini perlu disusuli dengan kajian terperinci yang mengambil kira pelbagai aspek seperti kos, keperluan, impak dan persetujuan semua negara anggota ASEAN termasuk kesediaan negara bagi memastikan kompleks tersebut ditadbir untuk jangka masa panjang.

Walau bagaimanapun, Kementerian selaku peneraju bagi Komuniti Sosio-Budaya ASEAN turut menyumbang kepada merealisasikan sebuah komuniti serantau yang mendahulukan rakyat dan bertanggungjawab kepada sosial melalui pembentukan identiti sepunya serantau. Sektor kebudayaan dan kesenian yang merupakan salah satu sektor di bawah naungan Komuniti Sosio-Budaya ASEAN sentiasa aktif dalam merancang, melaksana dan memantau program-program kebudayaan dan kesenian melalui program pertukaran artis-artis budaya, kepakaran teknikal termasuk warisan sejak tahun 1978 lagi dan melalui Rangka Pelan Tindakan Komuniti Sosio-Budaya ASEAN sejak tahun 2009.

Sekian, terima kasih.